

**Pengkategorian salah nyata dalam kontrak:
Tinjauan dari sudut *Common Law*, Akta Kontrak 1950 dan Perundangan Islam**

Norhoneydayatie Abdul Manap

Sakina Shaikh Ahmad Yusoff

Mat Noor Mat Zain

Abstrak

Salah nyata merupakan salah satu daripada elemen yang boleh mencatitkan kerelaan bebas seseorang untuk memasuki kontrak. Kerelaan bebas merupakan elemen penting dalam memastikan kesahan sesuatu kontrak. Kerelaan dikatakan tidak bebas apabila terdapat elemen salah nyata dalam kontrak yang menyebabkan kontrak yang dimasuki oleh pihak berkontrak boleh dibatalkan. Larangan untuk tidak melakukan salah nyata dalam kontrak ini terdapat dalam *common law*, Akta Kontrak 1950 dan juga perundangan Islam walaupun tidak dinyatakan secara khusus dalam perundangan Islam. Objektif artikel ini adalah untuk melihat pengkategorian salah nyata yang telah dibuat oleh *common law*, seterusnya melihat perkembangan kategori salah nyata di bawah Akta Kontrak 1950 di samping melihat pandangan perundangan Islam berkaitan salah nyata.

Pendahuluan

Kerelaan bebas merupakan elemen penting ketika memasuki kontrak kerana boleh memberikan kesan kepada kontrak yang dimasuki. Sesuatu kontrak menjadi sah dan boleh dikuatkuasakan jika kontrak tersebut memenuhi beberapa elemen iaitu terdiri daripada niat, cadangan, penerimaan, balasan, keesahan objek, kerelaan bebas dan keupayaan.³³ Kerelaan bebas wujud apabila tiada sebarang bentuk unsur negatif yang boleh mencatitkan keseluruhan kontrak tersebut.³⁴ Seksyen 14 Akta Kontrak 1950 memperuntukkan maksud kerelaan bebas iaitu kerelaan adalah dikatakan bebas bila tidak disebabkan oleh paksaan, pengaruh tidak berpatutan, frod, salah nyata atau khilaf.

Kerelaan bebas ini juga ditekankan dalam perundangan Islam apabila para fuqaha' bersepakat mengatakan bahawa kerelaan (*reda*) adalah menjadi asas kepada semua kontrak³⁵ dengan merujuk kepada firman Allah s.w.t.:

يأياها الذين ءامنوا لا تأكلوا أموالكم بينكم بالباطل الا أن تكون تجرة عن تراض منكم³⁶

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

³³ Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain, *Kontrak & Kewajipan Undang-undang di beberapa Negara Asean yang dipilih*, hlm 61.

³⁴ Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan Azimon Abdul Aziz, *Mengenali Undang-undang Kontrak Malaysia*, International Law Book Services, Petaling Jaya, hlm 93.

³⁵ al-Zuhaili, *Fiqh Dan Perundangan Islam*, hlm 196.

³⁶ Al-Quran 4:29.

Maksudnya:

Jual beli itu hanya boleh berlaku dengan rela merelai sahaja.

Salah nyata menurut *common law*

Salah nyata dikategorikan kepada tiga kerana salah nyata boleh terjadi dalam tiga keadaan³⁸ dan bergantung kepada pengetahuan dan niat pembuat kenyataan ketika beliau membuat kenyataan.³⁹ Pertama, kenyataan yang tidak tepat atau tidak betul yang dibuat secara jujur atau tidak tahu kebenaran kenyataan tersebut oleh pihak pembuat kenyataan. Kedua, salah nyata dibuat secara menipu atau dengan niat untuk menipu dan tahu kenyataan tersebut tidak betul. Ketiga, salah nyata dibuat secara lalai atau cuai dengan membuat sangkaan tentang perkara tersebut dan gagal untuk semak tentang perkara tersebut secara terperinci.

Kepentingan pengkategorian salah nyata adalah disebabkan perbuatan dan niat kesalahan yang berbeza dan pemberian remedi yang berbeza⁴⁰ walaupun dalam setiap kes pihak penerima kenyataan boleh membatalkan kontrak seperti yang diputuskan dalam kes *Redgrave v Hurd*.⁴¹

Perkembangan undang-undang berkaitan salah nyata di United Kingdom ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama iaitu sebelum tahun 1963, salah nyata dikategorikan kepada dua iaitu salah nyata tipuan dan salah nyata bukan tipuan yang terangkum di dalamnya salah nyata jujur dan salah nyata cuai. Namun, perkataan '*innocent*' digunakan untuk menjelaskan atau menggambarkan semua salah nyata bukan tipuan tanpa menghiraukan bagaimana ia dilakukan.⁴² Perbezaan kategori ini diwujudkan bagi membezakan pemberian remedi⁴³ kepada pihak yang mengalami kerugian yang sering dikaitkan dengan pihak penerima pernyataan (*representee*) akibat perbuatan pihak yang membuat kenyataan salah (*representor*).

Pada tahun 1963, satu perubahan telah berlaku kepada prinsip salah nyata cuai apabila dalam kes *Hedley Byrne*, mahkamah menyatakan bahawa dalam sesetengah keadaan, ganti rugi boleh dituntut dalam tort untuk salah nyata cuai (*negligent misstatement*) yang menyebabkan kerugian dari sudut kewangan (*financial loss*). Namun, pihak yang menuntut perlu membuktikan wujud hubungan (*special relationship*) antara pihak berkontrak yang menyebabkan wujud kewajipan berjaga-jaga (*duty of care*). Berdasarkan kepada kes tersebut jelas bahawa pihak yang mengalami kerugian boleh membuat tuntutan ganti rugi di bawah prinsip *Hedley Byrne* apabila terdapat salah nyata cuai yang telah mempengaruhinya untuk memasuki kontrak. Walaupun ia merupakan pembaharuan dan merupakan satu perkembangan dalam undang-undang kontrak berkaitan remedi ganti rugi bagi salah nyata cuai, namun, tuntutan yang dibuat berdasarkan kes tersebut

³⁷ Ibnu Majah, Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Tijarat, Bab Bai al-khiyar*, no hadis 2185; Baihaqi, Sunan al-Kubra, *Kitab al-Buyu'*, hadis no 11403; Ibn Hibban, *Kitab al-Buyu'*, hadis no 4967. (dalam *Kitab Af'al al-Muathirah fi Uqud al-Muamalat*, Duktur Salim bin Ubaid)

³⁸ Chris Turner, *Unlocking Contract Law*, hlm 209.

³⁹ Stephen Graw, *An Introduction to the Law of Contract*, hlm 363.

⁴⁰ Stephen Graw, *An Introduction to the Law of Contract*, hlm 363.

⁴¹ (1881) 20 Ch D 1.

⁴² R. Duxbury, *Contract in a Nutshell*, Edisi ke 7, Sweet & Maxwell, London, 2006, hlm 67; C. Turner, *Unlocking Contract Law*, Hodder & Stoughton, London, 2004, hlm 213, 217.

⁴³ C. Turner, *Unlocking Contract Law*, Hodder & Stoughton, London, 2004, hlm 209.

lebih terbatas berbanding dengan tuntutan yang dibuat di bawah *Misrepresentation Act 1967*⁴⁴ yang boleh dikatakan sebagai fasa ketiga dalam perkembangan undang-undang mengenai salah nyata di United Kingdom.

Salah nyata tipuan

Definisi salah nyata tipuan oleh Lord Herschell dalam kes *Derry v. Peek*⁴⁵ menyatakan, “*false statement made knowingly, or without belief in its truth, or recklessly, careless whether it be true or false.*” Selain itu, ditambah oleh Bowen LJ dalam kes *Angus v Clifford*⁴⁶ bahawa bertindak secara tidak munasabah adalah tidak mencukupi melainkan dapat membuktikan terdapat kelalaian yang melampau yang dapat disimpulkan bahawa telah berlaku penipuan. Dalam menguji kejujuran kepercayaan pihak yang membuat kenyataan, pernyataannya tidak boleh dipertimbangkan mengikut makna biasa, tetapi menurut makna yang difahami olehnya sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Akerhielm v De Mare*⁴⁷, *Gross v Lewis Hillman Ltd*⁴⁸, *McGrath Motors (Canberra) Pty Ltd v Applebee*⁴⁹. Kecuaian (*careless*) pula bukanlah sesuatu yang tidak jujur, namun jika seseorang membuat kenyataan secara semborono (*reckless*), mahkamah boleh menyimpulkan bahawa pihak tersebut berlaku tidak jujur.⁵⁰

Salah nyata cuai

Common law mendefinisikan salah nyata cuai sebagai ‘*statement made without sufficient care having been to check their accuracy when a duty could be said to exist to be careful in this regard*’⁵¹, atau juga boleh dikatakan sebagai kenyataan yang dibuat tanpa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai ketepatan kenyataan tersebut yang mana walaupun tidak berniat untuk menipu, akan tetapi kenyataan tersebut mempengaruhi pihak lain untuk memasuki kontrak.⁵²

Salah nyata jujur

Istilah salah nyata jujur digunakan sebelum 1963 untuk menerangkan jenis salah nyata selain salah nyata tipuan.⁵³ Salah nyata jujur pada permulaannya dikategorikan sebagai salah nyata bukan tipuan (*non-fraudulent misrepresentation*) yang dimaksudkan sebagai salah nyata selain daripada salah nyata tipuan sebagaimana dinyatakan dalam kes *Armstrong v Strain*⁵⁴ oleh Romer LJ, “*inasmuch as there are no intermediate stages recognised by the law between fraud on the one hand and innocence on the other hand.*” Adalah menjadi kebiasaan melabelkan salah nyata cuai ini sebagai bukan salah nyata tipuan atau bukan salah nyata cuai.⁵⁵

⁴⁴ C. Turner, *Unlocking Contract Law*, hlm 213.

⁴⁵ (1889) 14 App Cas 337.

⁴⁶ [1891] 2 Ch 449.

⁴⁷ [1959] AC 789

⁴⁸ [1970] Ch 445

⁴⁹ (1964) 110 CLR 656

⁵⁰ Michael Furmston. 2001. *Cheshire, Fifoot and Furmston's Law of Contract*. Ed. ke-14. United Kingdom: Reed Elsevier (UK) Ltd., hlm 308.

⁵¹ Law Reform Commission Report, No.7, “Innocent Misrepresentation”, 1978.

⁵² *JEB Fasteners Ltd. v Marks, Bloom & Co.* [1983] 1 All E.R. 583, C.A.

⁵³ Michael Furmston. 2001. *Cheshire, Fifoot and Furmston's Law of Contract*. Ed. ke-14. United Kingdom: Reed Elsevier (UK) Ltd., hlm 309.

⁵⁴ [1952] 1 K.B. 232 hlm 247.

⁵⁵ Beatson, Jack, Burrows, Andrew & Cartwright, John. 2010. *Anson's Law of Contract*. Ed. ke 30. Oxford: Oxford University Press., hlm 331.

Salah nyata di Malaysia

Di Malaysia, seksyen 18 Akta Kontrak 1950 merupakan undang-undang yang mengawal salah nyata dalam semua jenis kontrak. Seksyen 18 memperuntukkan seperti berikut:

"Salahnyata" termasuklah -

- (a) ketegasan positif, secara yang tidak dibenarkan oleh maklumat yang diperolehi oleh orang yang menegaskannya mengenai sesuatu hal yang tidak benar, sungguhpun orang itu percaya bahawa hal itu adalah benar;
- (b) mana-mana pelanggaran kewajipan, yang tanpa niat menipu, membawa faedah untuk orang yang melakukan pelanggaran itu, atau kepada siapa sahaja yang menuntutmelaluinya dengan mengelirukan seorang lain hingga memudaratkan orang itu atau siapa saja yang menuntut melaluinya.
- (c) menyebabkan walaupun dengan sucihati, satu pihak perjanjian membuat kekhilafan mengenai keadaan benda yang menjadi pokok perjanjian itu.

Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 18 Akta Kontrak 1950 yang menyatakan bahawa kenyataan tersebut hendaklah ketegasan positif yang tidak benar, yang mana pihak pembuat kenyataan mempercayai kebenaran kenyataan tersebut. Dalam kes *Travelsight (M) Sdn Bhd & Anor v Atlas Corp Sdn Bhd*⁵⁶, Abdul Malik Ishak J mendapati salah nyata tersebut adalah kenyataan yang tidak benar, atau kenyataan yang salah. Oleh itu, mahkamah memutuskan kenyataan yang dibuat oleh defendan tersebut merupakan salah nyata menurut undang-undang.

Merujuk kepada peruntukan di bawah seksyen 18, peruntukan tersebut tidak menyatakan mengenai kategori salah nyata. Pandangan daripada Visu Sinnadurai⁵⁷ yang menyatakan bahawa seksyen 18 memperuntukkan definisi salah nyata yang merangkumi situasi salah nyata jujur sebagaimana difahami di bawah *common law*. Namun, perkembangan mengenai kategori salah nyata ini dapat dilihat melalui beberapa keputusan kes di mahkamah. Di antaranya kes *Abdul Razak bin Datuk Abu Samah v Shah Alam Properties Sdn Bhd & Anor Appeal*⁵⁸ yang mana Gopal Sri Ram JCA menyatakan:

Misrepresentations in turn are of three types, depending upon the state of mind of the maker. That state of mind may be fraudulent, negligent or innocent, in the sense that it is truly free of any blameworthiness or inadvertence. The existence of a particular state of mind on the part of the representor determines, in the absence of acquiescence, the range of remedies available to the representee.

Kes ini telah diaplikasikan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Balakrishnan Devaraj v Admiral Cove Development Sdn Bhd*⁵⁹.

Begitu juga dalam kes *Sim Thong Realty Sdn Bhd*, Gopal Sri Ram JCA menyatakan:

⁵⁶ [2003] 6 MLJ 658.

⁵⁷ Visu Sinnadurai, *Contracts Act a Commentary General Principles and the Law of Indemnity, Guarantee, Bailment and Agency*, hlm 196; Wu Min Aun, *Legal Aspects of Sale of Goods*, hlm 44.

⁵⁸ [1999] 2 MLJ 500.

⁵⁹ [2010] MLJU 576; [2010] 7 CLJ 152.

... the expression 'misrepresentation' is merely descriptive of a false pre-contractual statement that induces a contract or other transaction. But it does not reflect the state of mind of the representor at the relevant time. The state of mind of the representor at the time he made the representation to the representee varies according to the circumstances of each case. It may be fraudulent. It may be negligent. Or it may be entirely innocent, that is to say, the product of a mind that is free of deceit and inadvertence (see *Abdul Razak bin Datuk Abu Samah v Shah Alam Properties Sdn Bhd*). Put another way, a misrepresentation is innocent 'where the representor believes his assertion to be true and consequently has no intention of deceiving the representee.' (*Cheshire & Fifoot, Law of Contract (6th Ed)*).

It is the particular state of mind of the representor that determines the nature of the remedy available to the representee. So, if the representation is made fraudulently, then the representee is entitled to rescission and all damages directly flowing from the fraudulent inducement.

Dalam kes *Lee Cheong Fah v Soo Man Yoke*⁶⁰ pula Abdul Malik Ishak J menyatakan, *The second thing to observe is that there are two types of misrepresentation, namely: (a) innocent misrepresentation; and (b) fraudulent misrepresentation. An innocent misrepresentation is said to occur where the representation is false but made by the representor with reasonable grounds for believing it to be true at the time when it was made and at the time when the contract was entered into.*

Berdasarkan kepada beberapa kes tersebut jelas bahawa terdapat perkembangan mengenai pengaplikasian perundangan berkaitan salah nyata dalam kontrak di Malaysia. Khususnya dalam pengkategorian salah nyata.

Konsep salah nyata dalam kontrak menurut perundangan Islam

Perundangan Islam juga menekankan prinsip jujur atau berkata benar ketika melaksanakan transaksi. Menurut Yusuf al-Qardawi, manusia hendaklah sentiasa jujur pada setiap masa dan keadaan dan meletakkan keimanan lebih tinggi berbanding keuntungan duniawi.⁶¹ Terdapat beberapa larangan daripada al-Quran agar tidak melakukan tipuan seperti firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ⁶²

Maksudnya:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah⁶³.

Selain itu firman Allah s.w.t. juga:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنكُمْ⁶⁴

Maksudnya:

⁶⁰ [1996] 2 MLJ 627.

⁶¹ Al-Qaradawi, Y. (2003), *The Lawful and the Prohibited in Islam*, Al-Birr Foundation, London, hlm 239-40.

⁶² Al-Quran, Al Baqarah 2:188.

⁶³ Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

⁶⁴ Al-Quran, An Nisa 4:29.

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamudengan jalan salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu⁶⁵.

Rasulullah s.a.w. turut bersabda:

من غشنا فليس منا⁶⁶

Maksudnya:

Sesiapa yang menipu kita maka dia bukan daripada golongan kita.⁶⁷

Selain itu, dalil daripada ijma ulama juga turut menyatakan pengharaman *gharar* dalam jual beli seperti perbuatan *bai al-ma'dum* (menjual barang yang tiada).⁶⁸

Taghrīr atau tādīlīs

Perundangan Islam tidak membentuk satu teori umum berkaitan salah nyata sebagaimana *common law*.⁶⁹ Tambahan pula, perundangan Islam lebih membincangkan mengenai perbuatan tipuan dari sudut tindakan berbanding tipuan yang dilafazkan atau perkataan.⁷⁰ Namun perbincangan yang paling hampir dengan konsep salah nyata dalam undang-undang kontrak Inggeris adalah *al-taghrīr* atau *al-tādīlīs*.

Berdasarkan kepada kajian Nehad A & A Khanfar⁷¹ dan Mohamad Ali Baharum⁷², prinsip *gharar* yang dibincangkan oleh fuqaha dalam perundangan Islam adalah lebih hampir atau selari dengan konsep salah nyata dalam undang-undang kontrak Inggeris. Istilah *al-taghrīr* dan *al-tādīlīs* dilihat boleh ditukar ganti sebagaimana menurut mazhab Maliki yang berpandangan *al-taghrīr* dan *al-tādīlīs* membawa maksud yang sama.⁷³ Ini dapat dilihat dalam *UAE Civil Code* menggunakan *al-taghrīr*, manakala dalam *Bahrain Law of Contract*, perkataan *al-taghrīr* dijumpai dalam Art.21 yang membawa maksud 'trickery' yang selari dengan 'fraud' dalam undang-undang Inggeris, dan perkataan *al-tādīlīs* pula adalah merujuk kepada 'misrepresentation'.⁷⁴

⁶⁵ Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

⁶⁶ Ibn Majah, Sunan, vol.II, hlm 749 Hadith no 2224-5; Ahmad, Musnad, vol IV, hlm 45

⁶⁷ Ibn Majah, Sunan, vol.II, hlm 749 Hadith no 2224-5; Ahmad, Musnad, vol IV, hlm 45

⁶⁸ Al-khamis, Abdul Rahman Abdullah. 2013. *Al-Mukhtatāh Fi Al-Muamalat Al-Maliyah Al-Muasarah*. Riyadh: Dar Kunuz Ishbilīyah, hlm 47-48.

⁶⁹ Mohd Ali Baharum, *Misrepresentation: a Study of English and Islamic Contract Law*, al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hlm 1.

⁷⁰ Sa'odah bt Ahmad. 1995. A comparative study of English, Malaysian and Islamic law of contract. International Islamic University Malaysia.

⁷¹ Nehad A & A Khanfar. 2016. A critical analysis of the concept of gharar in Islamic financial contracts: different perspective. *Journal of Economic Cooperation and Development* 37(1):1-24. hlm 8,15.

⁷² Mohd Ali Baharum, *Misrepresentation: a Study of English and Islamic Contract Law*, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hlm 10.

⁷³ S.E. Rayner, *The Theory of Contracts in Islamic Law A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and the United Arab Emirates*, Graham & Trotman, London, 1991, hlm 208

⁷⁴ S.E. Rayner, *The Theory of Contracts in Islamic Law A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and the United Arab Emirates*, Graham & Trotman, London, 1991, 208.

Maksud *al-taghrīr* dilihat sama seperti maksud *al-tadlīs* sebagaimana Wahbah al-Zuhaili⁷⁵ menyatakan *al-taghrīr* atau *al-tadlīs* adalah daya tarikan pihak yang berkontrak dan tipuannya supaya pihak yang satu lagi memasuki kontrak dengan sangkaan bahawa itu memberi *maslahat* (kebaikan) kepadanya, sedangkan hakikat sebenarnya adalah berlawanan dengan demikian. Selain itu, penggunaan kalimah *al-tadlīs* banyak digunakan untuk perbuatan, manakala perkataan *al-taghrīr* banyak digunakan untuk percakapan.⁷⁶ *Taghrīr* atau *tadlīs* merupakan perbuatan helah yang dibuat oleh pihak berkontrak kepada pihak yang lain sehingga berlaku kesalahan dalam akal pihak tersebut dan menyebabkan terjadi kecacatan kehendak kepada pihak berkontrak.⁷⁷

al-Taghrīr terbahagi kepada dua iaitu *al-taghrīr fi'li* (tipuan dalam bentuk perbuatan) dan *al-taghrīr al-qawli* (tipuan dalam bentuk perkataan sama ada melalui percakapan atau penulisan).⁷⁸ Begitu juga bagi Wahbah al-Zuhaili⁷⁹, *al-tadlīs* terbahagi kepada beberapa jenis iaitu *al-tadlīs al-fi'li* (tipuan perbuatan), *al-tadlīs al-qawli* (tipuan perkataan), dan *al-tadlīs bi kitman al-haqiqah* (tipuan dengan menyembunyikan hakikat). Dalam konteks salah nyata ini, perbahasan adalah berkisar kepada *taghrīr qawli* atau *tadlīs qawli* yang terjadi akibat daripada penipuan atau pendustaan secara perkataan oleh salah seorang daripada pihak berakad seperti berkata seorang penjual kepada pembeli tentang sesuatu barang dengan harga tertentu dengan cara menipu, atau mengiklankan tentang barangnya bersama sifat yang ditipu kepada manusia untuk menerimanya.

al-Taghrīr al-qawli adalah penipuan yang dibuat oleh salah satu daripada pihak berakad atau daripada kedua-dua pihak untuk menarik minat pihak tersebut untuk memasuki kontrak.⁸⁰ *al-Taghrīr al-qawli* boleh berlaku pada harga barang seperti berkata penjual kepada pembeli bahawa harga barang yang dijualnya tidak terdapat ditempat lain.⁸¹ Dijelaskan juga oleh Wahbah Zuhaili⁸² berkaitan tipuan perkataan yang lahir daripada salah satu pihak yang berkontrak atau daripada orang yang berkepercayaan sehingga pihak yang berkontrak yang satu lagi itu terpengaruh untuk mengikat kontrak dengannya walaupun dengan kerugian. Contohnya, seorang penjual mengatakan kepada pembeli, “barang ini bernilai tinggi dan tidak ada tandingannya di pasar” atau dengan kata-kata galakan lain yang dusta.

Namun dalam membincangkan mengenai *al-taghrīr al-qawli* atau *al-tadlīs al-qawli*, tidak diklasifikasikan kepada salah nyata jujur, salah nyata tipuan atau salah nyata cuai sebagaimana dalam undang-undang Inggeris.⁸³ Tiada istilah salah nyata tipuan dan salah nyata cuai dalam

⁷⁵ al-Zuhaili, *Fiqh Dan Perundangan Islam*, hlm 220-221.

⁷⁶ Ali Muhyiyuddin Ali al-Qurrah Daghi, *Mabda' al-Ridha fi al-uqud*, Dirasah muqaranah fi al-fiqh al-Islami wa al-qanun al-madani, Dar al-bashair al-Islamiah, Beirut, Lubnan, 2008, hlm 603.

⁷⁷ Al-sodah, Abdul Mun'em Farj. 1974. *Nazariyat Al-Aqd Fi Qawanin Al-Bilad Al-'Arabiah*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, hlm 254.

⁷⁸ Badran, *al-Shari'ah Al-Islamiyyah*, hlm 520.

⁷⁹ al-Zuhaili, *Fiqh Dan Perundangan Islam*, hlm 220-221.

⁸⁰ Abdul Fatah Mahmud Idris. 2007. *Nazariyat Al-Aqd Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah Mesir, hlm 130.

⁸¹ Ismat Abdul Majid Bakr. 2009. *Nazariyat Al-Aqd Fi Al-Fiqh Al-Islami Dirasat Muqaranat Ma'a Al-Fiqh Al-Qanuni Wal Qawanin Al-Mu'asarah*. Lebanon: Dar al-Kutub al-'Imiyyah, hlm 260.

⁸² al-Zuhaili, *Fiqh Dan Perundangan Islam*, hlm 222; Abdurrahman Raden Aji Haqqi. 1999. *The Philosophy of Islamic Law of Transactions*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd, hlm 115.

⁸³ Ali Muhyiyuddin Ali al-Qurrah Daghi, *Mabda' al-Ridha fi al-uqud*, Dirasah Muqaranah Fi al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Madani, Dar al-bashair al-Islamiah, Beirut, Lubnan, 2008, hlm 601-602; Rayner, S. E. (1991), *The Theory of Contracts in Islamic Law*. Graham & Trotman Ltd., hlm 206.

perundangan Islam sebagaimana terdapat dalam undang-undang kontrak Inggeris.⁸⁴ Fuqaha bersepakat bahawa kontrak yang dibentuk disebabkan oleh *al-taghrīr* atau *al-tadlīs* adalah boleh batal (*voidable*). Hukum *taghrīr* adalah ditegah oleh syarak kerana menipu atau berdusta. Maka *taghrīr* tidak memberi kesan sah kepada akad dan tidak memberi kesan tanggungjawab. Oleh itu, orang yang ditipu mempunyai pilihan untuk membatalkan akad kerana berlaku penipuan⁸⁵ menurut majoriti fuqaha selain daripada Hanafi. Pendapat Hanafi, kontrak hanya boleh dibatalkan sekiranya berlaku *al-tadlīs* beserta dengan *ghabn* (kerugian).⁸⁶

Kesimpulan

Salah nyata merupakan salah satu daripada elemen yang mencatatkan kerelaan bebas seseorang untuk berkontrak. Undang-undang mengenai salah nyata yang terpakai dalam common law ini turut diaplikasikan di Malaysia. Namun, terdapat pembaharuan atau perkembangan pada common law mengenai undang-undang salah nyata ini khususnya berkaitan dengan kategori salah nyata dengan tujuan untuk memudahkan urusan pemberian remedi. Walau bagaimanapun, perkembangan mengenai undang-undang salah nyata ini dilihat tidak berlaku dalam Akta Kontrak 1950. Perkembangan mengeniannya hanya berlaku pada keputusan-keputusan hakim yang diputuskan oleh mahkamah. Dari sudut perundangan Islam pula, tiada perbincangan khusus berkenaan salah nyata. Akan tetapi perbincangan para ulama berkaitan *taghrīr* dan *tadlīs* adalah hampir dengan salah nyata yang terpakai dalam undang-undang kontrak Inggeris dan Malaysia. Perkembangan yang berlaku dalam *common law* berkaitan undang-undang salah nyata dalam kontrak ini mungkin boleh dipelajari oleh Malaysia di samping merujuk kepada perundangan Islam dalam mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang berkaitan salah nyata dalam kontrak.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Mahmud Idris. 2007. *Nazariyat Al-Aqd Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaheerah Mesir, hlm 130.
- Abdurrahman Raden Aji Haqqi. 1999. *The Philosophy of Islamic Law of Transactions*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd, hlm 115.
- al-khamis, Abdul Rahman Abdullah. 2013. *Al-Mukhatah Fi Al-Muamalat Al-Maliah Al-Muasarah*. Riyad: dar kunuz ishbilia.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2003. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. London: Al-Birr Foundation.
- al-Qarahdaghi, Ali Mahy al-Din. 2008. *Mabda' Al-Ridha Fi Al-Uqud Dirasah Muqaranah Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Al-Qanun Al-Madani*. Beirut: Dar al-Basha ir al-Islamiyyah.
- al-Qarahdaghi, Ali Mahy al-Din. 2008. *Mabda' Al-Ridha Fi Al-Uqud Dirasah Muqaranah Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Al-Qanun Al-Madani*. Beirut: Dar al-Basha ir al-Islamiyyah.
- al-Sodah, Abdul Mun'em Farj. 1974. *Nazariyat Al-Aqd Fi Qawanin Al-Bilad Al-'Arabiah*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, hlm 254.
- al-Zuhaili Wahbah. 1995. *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸⁴ Parviz Bagheri & Kamal Halili Hassan. 2015. The application of the *khiyar al-tadlis* (option of deceit) principle in online contracts and e-consumer rights. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 6 (4):155–62. hlm 157.

⁸⁵ Badran, *Ash-Shari'ah Al-Islamiyyah*, hlm 521.

⁸⁶ S.E. Rayner, *The Theory of Contracts in Islamic Law A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and the United Arab Emirates*, Graham & Trotman, London, 1991, hlm 204.

- Badran, Abu al-Aini Badran. 1973. *Ash-Shari'ah Al-Islamiyyah*. Iskandariyah: Maktabah Minkaf.
- Beatson, Jack, Burrows, Andrew & Cartwright, John. 2010. *Anson's Law of Contract*. Ed. ke 30. Oxford: Oxford University Press.
- Chris Turner. 2004. *Unlocking Contract Law*. London: Hodder & Stoughton.
- Duxbury, Robert. 2006. *Contract in a Nutshell*. Ed. Ke-7. London: Sweet & Maxwell.
- Ismat Abdul Majid Bakr. 2009. *Nazariyat Al-Aqd Fi Al-Fiqh Al-Islami Dirasat Muqaranat Ma'a Al-Fiqh Al-Qanuni Wal Qawanin Al-Mu'asarah*. Lebanon: Dar al-Kutub al-'Imiyyah, hlm 260.
- Law Reform Commission Report, No.7, "Innocent Misrepresentatio", 1978.
- Michael Furmston. 2001. *Cheshire, Fifoot and Furmston's Law of Contract*. Ed. ke-14. United Kingdom: Reed Elsevier (UK) Ltd.
- Mohd Ali Baharum. 1988. *Misrepresentation: A Study of English and Islamic Contract Law*. Shah Alam, Selangor: Al-Rahmaniah.
- Nehad A & A Khanfar. 2016. A critical analysis of the concept of gharar in islamic financial contracts: different perspective. *Journal of Economic Cooperation and Development* 37(1):1–24.
- Parviz Bagheri & Kamal Halili Hassan. 2015. The application of the khiyar al-tadlis (option of deceit) principle in online contracts and e-consumer rights. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 6 (4):155–62.
- Rayner, Susan E. 1991. *The Theory of Contracts in Islamic Law: A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and the United Arab Emirates*. London: Graham & Trotman.
- Sa'odah bt Ahmad. 1995. A comparative study of English, Malaysian and Islamic law of contract. International Islamic University Malaysia.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan Azimon Abdul Azizi. 2012. *Mengenal Undang-Undang Kontrak Malaysia*. Batu Caves, Selangor: International Law Book Services.
- Shaik Mohd. Noor Alam bin S.M. Hussain. 1998. *Kontrak & Kewajipan Undang-Undang Di Beberapa Negara Asean Yang Dipilih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinnadurai, Visu. 2015. *Contracts Act a Commentary General Principles and the Law of Indemnity, Guarantee, Bailment and Agency*. Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd.
- Stephen Graw. 2015. *An Introduction to the Law of Contract*. Ed. ke-8. New South Wales: Thomson Reuters (Professional) Australia Limited.
- Wu Min Aun. 1994. *Legal Aspects of Sale of Goods*. Petaling Jaya, Selangor: Longman Malaysia Sdn.Bhd.